

04 JAN 2003

Mahathir-Batu Puteh

MALAYSIA TIDAK SETUJU PERJANJIAN KHAS DIBUAT DI BRUSSELS

LANGKAWI, 4 Jan (Bernama) -- Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan Singapura supaya perjanjian untuk membawa kes tuntutan pulau Batu Puteh ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) ditandatangani di Brussels, Belgium, akhir bulan ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, perjanjian itu sepatutnya dibuat "di sini".

"Kita setuju tandatangani perjanjian khas untuk membawa perkara itu ke ICJ tetapi kenapa buat di Brussels. Buat di sini," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sebelum pulang ke Kuala Lumpur selepas melakukan lawatan peribadi dua hari ke pulau peranginan ini.

Ketika ditanya kenapakah Singapura mahu perjanjian khas itu ditandatangani di Brussels, Dr Mahathir berkata: "Tak tahu. Itu kena tanya dia,"

Dr Mahathir berkata demikian merujuk kepada cadangan Singapura semalam supaya kedua-dua negara menandatangani perjanjian khas itu di Brussels pada 27 atau 28 Jan ini semasa mesyuarat Asean-Kesatuan Eropah.

Pertikaian tuntutan terhadap pulau itu timbul pada tahun 1970-an lagi dan kedua-dua negara bersetuju pada 1991 untuk merujuk kes itu ke ICJ.

Bagaimanapun, perjanjian khas antara kedua-dua negara itu bagi membolehkan kes itu dibawa ke ICJ masih belum ditandatangani sehingga sekarang.

Malaysia pernah mencadangkan enam atau tujuh tarikh kepada Singapura bagi menandatangani perjanjian khas itu sebelum ini tetapi ditolak oleh republik itu.

-- BERNAMA

MZM JM PR